

**KAJIAN TERHADAP PELANCONGAN DAN KEPENTINGAN
PERKHIDMATAN KENDERAAN AIR KE TAMAN NEGARA**

**OLEH MOHD ROFIDZAN B ABD MANAP
K/P ITM 88630816**

**TESISINI DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN SENI LUKIS DAN
SENI REKA, INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SEBAGAI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA SENI
LUKIS DAN SENI REKA**

I. DIPERIKSA OLEH TARIKH

II. DIPERIKSA OLEH :..... TARIKH :.....

III. DIPERIKSA OLEH :..... TARIKH :.....

DILULUSKAN OLEH TARIKH :.....

**DEKAN,
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
SHAH ALAM,
40450 SELANGOR DARUL EHSAN**

Kandungan

Senarai illustrasi	i
Kata Pengantar	iii
Penghargaan	v
Methodologi	vii
Matlamat	viii
Tujuan	ix
Hipotesis	x

Bab 1 - Pengenalan

1.0 Pengenalan	1
1.2 Taman Negara Malaysia	4
1.3 Pengangkutan ke Taman Negara	5

Bab 2 - Sejarah

2.0 Sejarah Taman Negara	8
2.1 Sejarah penubuhan Taman Negara	8
2.2 Pembangunan Taman Negara menurut Rancangan Malaysia	10
2.3 Kuat kuasa Undang - Undang	12
2.4 Badan yang terlibat secara langsung	12
2.5 Badan yang tidak terlibat secara langsung	13

Bab 3 - Keadaan geografi dan kepentingannya

3.0 Struktur geografi	15
3.1 Keluasan Taman Negara	15
3.2 Suhu	15
3.3 Keadaan mukabumi	16
3.4 Kepentingan Sungai Tembeling kepada Taman Negara	20
3.5 Perhubungan ke Taman Negara	22
3.6 Jenis - jenis kenderaan air di sungai	23
3.7 Jenis - jenis kenderaan air yang terdapat di Sungai Tembeling	24
3.8 Aktiviti Pelancongan	27
3.9 Kepentingan kenderaan air di kawasan kajian	29

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada:

Pensyarah pensyarah Senireka
Perindustrian, Institut Teknologi Mara:
- En. Marzuki Hj. Ibrahim
- En. Baharuddin Ujang
- En. Mazlan Hj. Abd. Majid

Penduduk tempatan Kampung Kuala
Tembeling, Jerantut, Pahang Darul Makmur:
- En. Shamsuddin Abdullah
- En. Rahim Bakar
- Ayah Andak
- Ustaz Musa Bidin

Pegawai Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara, Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang Darul Makmur :
-En. Yunus Baata

Pegawai Perhubungan Awam, Taman Negara Resort, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang Darul Makmur:
Cik Clancy

Pembantu Camp Nusa Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang Darul Makmur :
-En. Zamani Abdullah

Pengarah Jabatan Perlindungan , Hidupan Liar dan Taman Negara, Kuala Lumpur
- En. Jasbi Abdul

Kakitangan Perpustakaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara, Ceras, Kuala Lumpur.

Secara amnya peranan yang dimainkan oleh sistem pengangkutan air di kawasan Kuala Tembeling dan Kuala Tahan adalah kurang berkesan kerana kekurangan pendedahan sistem dan teknologi maklumat yang sempurna dan ini akan menyebabkan tahap perkhidmatan yang diberikan akan sentiasa berada ditahap yang minima samada kepada masyarakat mahupun kepada industri pelancongan amnya.

Kenderaan air di kawasan ini boleh dijadikan satu tenaga penarik terutamanya dalam industri pelancongan ke Taman Negara khususnya pada masa masa akan datang andainya sistem dan perkhidmatan yang diberikan oleh kenderaan tersebut lebih bersifat profesional dan unik.

Ini semua boleh dicapai dengan adanya suatu kesedaran samada dari pihak perseorangan, swasta ataupun dari pihak kerajaan dalam menjadikan industri pelancongan sebagai pendapatan per kapita negara seperti yang dimatlamatkan pada tahun 2020.

1.0 Pengenalan

Malaysia mungkin kurang berjaya jika ingin bersaing dengan negara negara maju dalam menjadikan bangunan bangunan indah dan tinggi mencakar langit sebagai satu daya penarik kepada pelancong tetapi Malaysia mempunyai keistimewaan¹ yang tersendiri dalam menjadikan industri pelancongan ini sebagai suatu pendapatan negara. Keunikan adat, budaya dan faktor alam semulajadinya yang kaya dengan pelbagai spesis flora dan faunanya serta banyaknya pusat - pusat rekreasi secara semulajadi seperti Taman Negara yang boleh dijadikan umpan dan pemikat para pelancong.

Selain daripada itu promosi yang telah dihebahkan oleh pihak TDC seperti Tahun Melawat Malaysia 1990, 'Malaysian Fest' dan Malaysia Meriah (akan dilancarkan pada tahun 1994) telah menyebabkan jumlah pelancong ke tempat - tempat pelancongan di negara ini bertambah.² Pertambahan ini telah diimbangi pula oleh minat badan swasta khususnya pengusaha - pengusaha hotel, pusat penginapan dan agensi - agensi pelancongan menggiatkan aktiviti mereka dengan melibatkan jumlah wang yang banyak.

1. Brochure Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Malaysia
2. --ibid--